

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU (TUARAN)**

SOALAN NO. 254

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:-

- (a) perancangan Kerajaan mengenai “grassroot innovations” ; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan lagi pembudayaan sains, teknologi dan inovasi di kalangan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah dan akan terus menerajui inisiatif untuk merangsang dan memupuk minat inovasi. Teras-teras Strategik Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) merangkumi tindakan memajukan bidang-bidang penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I).

2. Selain itu, MESTECC melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) melaksanakan Projek Berimpak Tinggi (*High Impact Project*) 6 atau HIP6 yang memfokuskan keterangkuman inovasi bagi memperkasa kumpulan B40 dan diterajui oleh SME Corporation Sdn. Bhd. Sejak Januari 2015 hingga 2018, HIP6 telah merekodkan pencapaian seperti berikut:

- (i) 1,619 inovasi telah dikenal pasti;
- (ii) 462 inovasi disenarai pendek;

- (iii) 66 inovasi dipilih;
- (iv) 27 inovasi berjaya dikomersialkan; dan
- (v) 14 pendaftaran harta intelek.

3. YIM juga turut memberi fokus kepada pembangunan inovasi pada peringkat akar umbi menerusi program *Mainstreaming Grassroots Innovations* (MaGRIs). MaGRIs merupakan program untuk mempertingkatkan usaha pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi, melalui kolaborasi pelbagai pihak seperti kerajaan, industri, masyarakat akar umbi dan golongan muda termasuk menyediakan peluang pembinaan kapasiti kepada pihak-pihak yang terlibat.

4. Pada tahun 2016 hingga 2018, program MaGRIs telah merekodkan pencapaian seperti berikut:

- (i) 737 produk inovasi telah dikenal pasti;
- (ii) 15 inovasi menerima geran bantuan pembangunan; dan
- (iii) 7 inovasi telah dikomersialkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Sebagai usaha mempertingkatkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi di kalangan masyarakat, Kementerian ini akan menganjurkan program *Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (ESTECC) at Schools*. Program ini adalah satu kaedah *outreach* kepada pelajar-pelajar sekolah untuk meningkatkan kesedaran dan menyemai minat mereka dalam bidang sains, teknologi, dan inovasi.

6. Selain itu, penganjuran Minggu Sains Negara bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian; menarik minat dan meningkatkan bilangan pelajar yang memilih jurusan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM) selaras dengan agenda STEM Negara; dan menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan negara dalam bidang sains.

Sekian, terima kasih.